

Najib Sedih Ratusan Nyawa Terkorban Dalam Gempa Yunnan
Bernamea
Aug 4, 2014

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata beliau sedih dengan kehilangan ratusan nyawa akibat gempa bumi di Yunnan, China semalam.

"Rakyat Malaysia turut berkongsi kesedihan mangsa gempa," kata Najib dalam catatan terbaru Tweeter beliau.

Sekurang-kurangnya 380 orang terbunuh dalam gempa bumi berukuran 6.3 skala Richter yang melanda wilayah Yunnan yang bergunung-ganang itu di China.

Gempa bumi itu, yang berlaku di pedalaman Yunnan, menyebabkan beribu-ribu bangunan termasuk sekolah ranap.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057856>